

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

PERANAN WANITA DALAM POLITIK DAN PEMBANGUNAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Zaherawati Zakaria

ABSTRAK

Sumbangan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik di kebanyakan negara-negara di dunia begitu dominan sekali. Wanita hari ini bergerak maju dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, kepimpinan dan sebagainya. Peranan wanita di Malaysia pada masa kini boleh dibanggakan berbanding lebih lima puluh tahun dahulu. Peranan mendidik dan memandu generasi memerlukan kerjasama semua pihak dan perlu diperhebat untuk menjadikan wanita kepada penyumbang pembangunan negara yang lebih adil dan saksama. Menerusi cetusan Wawasan 2020, ternyata hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju adalah diharapkan oleh semua pihak. Pelbagai perubahan telah, sedang dan akan dilakukan untuk mencapai matlamat tersebut. Oleh yang demikian, penglibatan wanita adalah pelengkap untuk menguruskan pembangunan dan penglibatan dalam politik negara akan memberi satu paradigma baru dalam kedudukan mereka dalam kerajaan.

PENDAHULUAN

Menurut sarjana sains sosial dan kemasyarakatan, pembangunan adalah sebahagian daripada proses perubahan sosial yang menyeluruh ataupun berlaku transformasi secara progresif. Dalam memastikan pembangunan berjalan dengan lancar, maka peranan wanita tidak boleh diketepikan. Sumbangan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial dan politik di kebanyakan negara-negara di dunia begitu dominan sekali. Nama-nama seperti Margaret Thatcher, Indra Ghandi, Benazir Bhutto, Corazon Aquino dan lain-lain sudah menjadi sinonim kepada pemimpin-pemimpin dunia (Mohamad Haji Ikhsan, 2003).

Senario kepimpinan wanita yang berjaya di mata dunia telah membuka lembaran baru ke dalam sistem pentadbiran di Malaysia. Kaum wanita telah diberi peluang dalam memegang beberapa portfolio dalam kabinet seperti Datin Paduka Rafidah Aziz, Datin Paduka Zaleha Ismail, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dan Datuk Azalina Othman.

SEJARAH PERKEMBANGAN WANITA

Peranan Wanita di Eropah

Sebelum abad yang ke 20, peranan wanita di Eropah adalah begitu terhad di mana peranannya lebih dominan di rumah. Perasaan wanita yang inginkan pembebasan dicituskan oleh desakan sosial dan ekonomi. Di semua negeri di Eropah semakin ramai wanita yang masuk dalam kumpulan yang bekerja tetapi wanita yang berjaya meningkatkan ketaraf penting dalam kerajaan masih boleh dibilang dengan jari (Makmor Tumin, 2005). Sementara itu, wanita di Scandinavia hanya digunakan bagi tujuan eksploitasi seks. Didapati kadar pendapatan wanita adalah 4.8% daripada kaum lelaki, dan dari segi sosial pula wanita Sweden berjuang untuk mendapatkan kedudukan yang sama taraf dengan lelaki dan keadaan ini memungkinkan mereka untuk tidak berkahwin. Walau bagaimana aktif pun pergerakan kaum wanita, mereka masih tidak menerima gaji yang sama dengan kaum lelaki walaupun skop kerja yang dilakukan tiada bezanya (Mohamad Haji Ikhsan, 2003).

Di negara Britain sendiri didapati wanita masih diberi kerja yang lebih teruk daripada kaum lelaki. Kadar pendapatan mereka hanya 55% daripada pendapatan kaum lelaki. Dalam masa setengah abad yang lalu jumlah wanita dalam bidang profesional meningkat dari 6% kepada 8% sahaja. Daripada seramai 3,281 profesor di universiti-universiti, hanya 44 sahaja wanita. Britain sekurang-kurangnya telah memecah tradisinya apabila Puan Magret Thatcher terpilih menjadi pemimpin dari Parti Konservatif (Faridah Idris, 2004).

Sementara di Amerika pula, didapati wanita Amerika lebih berjaya dalam bidang politik. Pada tahun 1974 telah dianggap sebagai 'Tahun Wanita'. Seramai 88 orang wanita dari kedua-dua parti iaitu Parti Demokratik dan Republik, menjadi calon untuk merebut jawatan-jawatan dalam Dewan Bandaraya dan Dewan Undangan Negeri hingga keperingkat tinggi dalam kerajaan (Faridah Idris, 2004).

Peranan Wanita di Asia

Di Asia pada keseluruhannya, kemajuan wanita dalam perjuangan menuntut hak yang sama tidak begitu berkesan. Tetapi kesedaran wanita Asia kian bertambah. Di Filipina misalnya, wanita sudah jauh lebih maju daripada negeri-negeri membangun yang lainnya. Sejak 1936 mereka sudah mendapat hak mengundi. Dalam bidang pendidikan, lebih ramai kaum wanita daripada kaum lelaki. Undang-undang kewarganegaraan juga telah menaikkan taraf mereka di mana wanita Filipina sekarang boleh berkahwin dengan rakyat asing tanpa gugur kewarganegaraanya (Hamsiah Abdul Hamid, 1995).

Di Hong Kong pula, wanitanya telah berjaya menghapuskan 'sistem gundik' setelah lebih satu dekad mereka berjuang, apabila terbit 'Rang Undang-undang Pembaruan Perkahwinan' dalam tahun 1971 yang tidak membenarkan lelaki mengambil lebih daripada seorang isteri. Ramai di antara mereka yang selama ini terpendam di rumah, yang memainkan peranan isteri dan ibu yang pasif, sudah berani keluar mencari pekerjaan dalam meningkatkan ekonomi keluarga dan negara. Di Jepun, hasil dari pergolakan politik pada akhir tahun 1960 an, pelajar-pelajar wanita telah sedar bahawa dalam pergerakan politik negara mereka, masalah wanita tidak diambil berat langsung. Mereka menubuhkan badan wanita yang menentang diskriminasi terhadap wanita dalam pekerjaan (Hamsiah Abdul Hamid, 1995).

Peranan dan Fungsi Kaum Wanita di Malaysia

Dalam masyarakat tradisional, peranan kaum wanita adalah terhadap kepada peranan pembantu (supporting role) kepada kaum lelaki. Ini dapat dilihat daripada jenis-jenis tugas yang mereka lakukan, umpamanya peranan mereka dalam pekerjaan sawah adalah untuk membantu suami mereka seperti menyemai, mengubah dan menuai. Dalam bidang politik dan pemerintahan status kaum wanita telah bertambah baik dan jika dilihat dalam perkembangan status mereka sama tinggi dengan lelaki. Ini dapat dilihat apabila kaum wanita diberikan hak mengundi seawal-awal usia penubuhan negara kita ini (Hamsiah Abdul Hamid, 1995).

Dalam bidang ekonomi, adalah bidang yang sudah diterokai oleh kaum wanita dan di mana kaum lelaki agak bersikap liberal dalam membuka pintu kepada kemasukan dan penyertaan wanita. Pada masa dahulu peranan dan fungsi kaum wanita dalam bidang ini amat terbatas. Jumlah wanita yang bekerja dalam perkhidmatan kerajaan maupun swasta semakin bertambah dan begitu juga pembahagian pendapatan. Walaupun jumlah pekerja-pekerja wanita ramai, hampir keseluruhannya termasuk pada peringkat pekerja-pekerja kurang mahir mendapat jumlah gaji yang kecil sahaja (Ainon Muhammad, 2001).

PERANAN WANITA DARI SUDUT POLITIK

Di Malaysia khususnya apabila kaum wanita terutama kaum muslimah melibatkan diri di dalam bidang politik untuk sama-sama membangunkan negara maka akan terdengar pelbagai pandangan akan penglibatan mereka. Maka timbulah pelbagai persoalan dari penglibatan mereka dalam politik seperti sejauhmanakah Islam membenarkan kaum muslimah bergerak cergas dalam arena politik? Bolehkah seseorang muslimah bertanding untuk menjadi wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri atau Parlimen? Adakah Islam merestui wanita dilantik menjadi Perdana Menteri sebagaimana yang berlaku di setengah-setengah negara hari ini seperti Pakistan atau Bangladesh?

Oleh yang demikian jika diteliti akan peranan yang boleh diberikan oleh wanita dalam membangunkan negara khususnya dari segi politik antaranya ialah wanita itu boleh menjadi penasihat kepada suami mereka. Ini dapat kita lihat jika seseorang wanita itu bersuamikan orang politik maka ianya boleh melibatkan dirinya secara tidak langsung dengan memberi nasihat dari segi keputusan yang telah dibuat atau dilaksanakan oleh suaminya yang mungkin tidak bersesuaian dengan kaum wanita (Faridah Idris, 2004).

Demikian juga wanita boleh melibatkan diri untuk membangunkan negara secara aktif melalui pelbagai pertubuhan NGO seperti PERTIWI dan HAWA. Melalui pertubuhan-pertubuhan inilah mereka boleh menyalurkan pelbagai ideal dan cadangan dalam usaha untuk membangunkan negara sama ada dari segi pendidikan, keagamaan, sosial, budaya dan ekonomi. Melalui NGO juga mereka boleh membantu membangunkan negara dengan memastikan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat terutamanya mengemaskinikan undang-undang dan akta-akta yang boleh mengawal kemakmuran.

Namun begitu jika dikaji dan diteliti akan penglibatan atau peranan yang kaum wanita khususnya kaum muslimah di negara ini untuk membangunkan negara adalah amat kecil dan terhad sekali

sumbangan mereka malah tidak kedengaran langsung dari wanita di dalam dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Di antara faktor-faktor yang berkaitan yang membataskan sumbangan kaum wanita dalam pembangunan negara ialah mereka terlalu terikat dengan tradisi dan budaya masyarakat timur yang menjadi identiti masyarakat di negara ini. Ini adalah kerana wanita timur terkenal dengan sifat sopan santun dan berbudi pekerti baik dan mulia serta lemah lembut. Demikian juga dengan faktor perkahwinan ianya merupakan salah satu daripada faktor yang membataskan dan menghalang kaum wanita dari memberi penuh perhatian dan tumpuan dalam usaha untuk membangunkan negara. Ini adalah kerana apabila seseorang wanita itu menjadi pemimpin maka sudah tentu ianya terpaksa membahagikan masanya di antara keluarga dan kerjayanya.

PENYERTAAN WANITA DI BIDANG POLITIK MASIH RENDAH

Semenjak merdeka, bilangan calon wanita yang telah dipilih untuk memasuki badan-badan pembuat keputusan politik di Malaysia semakin bertambah, tetapi hanya pada kadar yang sederhana dan masih berada di tahap yang rendah. Pada tahun 1990, hanya 5 peratus daripada ahli-ahli parlimen terdiri daripada wanita. Bilangan ini telah berganda sebanyak 10 peratus pada tahun 1999 tetapi ia telah kekal di tahap tersebut walaupun selepas pilihanraya umum pada tahun 2004 (Mohamad Razak Idris, 2000). Dengan pendidikan di peringkat yang tinggi, yang seringkali melebihi lelaki, adalah diharapkan wanita-wanita dapat melibatkan diri dengan sepenuhnya di setiap peringkat politik.

Penglibatan wanita di dalam arena politik merupakan objektif Milenium tersendiri. Memperkasakan wanita di dalam arena politik mempunyai potensi untuk membawa perubahan di dalam masyarakat. Penglibatan mereka di dalam badan-badan pentadbiran di peringkat kebangsaan dan juga tempatan boleh membawa kepada dasar-dasar dan undang-undang yang memfokuskan kepada wanita, kanak-kanak dan keluarga.

Tetapi walaupun halangan-halangan untuk menyertai parlimen-parlimen peringkat kebangsaan dan tempatan telah pun dihapuskan hampir di setiap negara, ia masih tidak mencukupi untuk memberikan keseimbangan gender di dalam pentadbiran. Walaupun ruangan dan proses-proses politik telah terbuka, bilangan wanita di dalam jawatan-jawatan yang boleh membuat keputusan masih tidak meningkat secara automatik. Pihak kerajaan, dengan kerjasama pertubuhan wanita dan parti politik, mempunyai peranan yang penting dalam menyokong kuasa politik wanita. Mereka melakukannya dengan menyokong isu-isu yang sensitif terhadap gender di kalangan pegawai atau menubuhkan forum-forum dasar yang komprehensif, seperti kementerian wanita dan biro-biro. Sungguhpun begitu, pandangan serta tindakan terhadap gender yang berubah dalam kerajaan dan politik, walaupun berjaya, harus disusuli dengan sumber-sumber yang bersesuaian termasuklah kemahiran-kemahiran yang sepatutnya (Natacha David, 1998).

Penglibatan wanita di dalam badan perundangan negara, kerajaan tempatan dan proses-proses keamanan bukan sahaja dapat merubah keadaan politik semasa – ia juga merubah masa depan, memandangkan dengan adanya wanita di dalam arena politik juga akan mengubah pandangan masyarakat terhadap wanita dan gadis dan peranan mereka di dalam membuat keputusan.

PERANAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN MELALUI BIDANG SOSIAL

Pembaharuan yang dicapai oleh negara sekaligus menuntut perubahan dalam apa jua tindakan yang diambil. Perubahan minda dan gaya hidup masyarakat, turut menuntut kaum wanita agar membuat keputusan yang selaras dengan kehendak komuniti. Perumpamaan yang menyatakan "*tangan wanita yang membuai buaian boleh menggegarkan dunia*" adalah landasan yang menggambarkan betapa besarnya peranan kaum wanita dalam pembangunan negara apabila kita memperkatakan tentang kaitan wanita dalam bidang sosial. Jelasnya apabila kita membicarakan soal tanggungjawab sosial dalam pembangunan negara ini, ianya harus diukur dari segi tahap kemampuan warganegara terutama kaum wanita. Memang tidak dapat dipersoalkan lagi bahawa peranan kaum wanita dalam pembangunan yang berperspektif sosial perlu di teliti. Ini kerana ianya akan menentukan ke manakah arah perkembangan anak-anak yang kebanyakannya dididik oleh kaum wanita yang digelar ibu. Oleh itu peranan wanita dalam keluarga dan masyarakat jelaslah amat penting dalam membangunkan ummah (Sidang Editor, 1988).

Sementara itu dengan wujudnya Dasar Wanita Negara (DWN) di awal tahun 1990, ianya telah banyak menjadi landasan untuk membolehkan kaum wanita turut sama menyertai pelbagai bidang pembangunan negara (Nor Samsinar Baharin, 1997). Menurut Datuk Rafidah Aziz, DWN menjadi wadah dalam memberi panduan dan hala tuju dalam segala usaha perancangan dan program-program pembangunan negara agar wanita tidak diabaikan. Melalui DWN kaum wanita dapat memperjuangkan agar matlamat kesamaan dan persamaan dengan kaum lelaki dapat dijadikan teras dasar pembangunan yang berorientasikan rakyat agar kaum wanita sama-sama dapat menyumbang pada pembangunan negara (Nor Shamsinar Baharin, 1998).

Melalui DWN ini juga kaum wanita telah memperjuangkan agar imej wanita di pandangan dunia diubah dan tidak dieksploitasi dengan sewenang-wenangnya. Wanita melalui DWN sudah mampu mengadakan program besar seperti seminar, simposium, persidangan dan sebagainya samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang menunjukkan bahawa kaum wanita aktif bukan sahaja dalam pembangunan keluarga malahan masyarakat dan negara. Melalui program-program seperti yang disebutkan ini, kaum wanita berjaya mengumpulkan pelbagai bentuk pemikiran, merumuskannya dan menjadikannya sebagai suara tunggal yang mereka wakili dalam sesuatu isu terutamanya yang membabitkan pembangunan Negara (Rosni Hassan, 1997).

Sekiranya kita meneliti pula perubahan dari segi sosio-budaya, peranan kaum dalam pembangunan sebuah negara juga adalah besar. Contohnya di Malaysia, sejak tahun 1970'an, perangkaan menunjukkan penghijrahan wanita dari desa ke kota telah meningkat dengan pesat (Berita Harian, Mac 1999). Kesan perubahan sosio-budaya ini telah mewujudkan masyarakat bandaran dan masyarakat yang menuju ke arah zaman perindustrian matang yang akan meningkatkan pelbagai industri perkhidmatan, perindustrian dan sebagainya. Ini menunjukkan pada kita bahawa dengan kesan penghijrahan kaum wanita ini, beberapa sektor yang memerlukan tenaga kerja wanita telah membangun dengan pesat dan ini akan menjurus pada pembangunan Negara (Laporan Malaysia, 2005).

Selain daripada itu juga, tugas-tugas yang memerlukan penglibatan kaum wanita sepenuhnya seperti bidang kejururawatan, doktor sakit puan dan sebagainya menambahkan lagi keperluan dan peranan kaum wanita. Inilah tugas-tugas penting yang diperlukan oleh masyarakat dan dalam

hubungan ini masyarakat mempunyai hak untuk mewajibkan kaum wanita memenuhi bidang pekerjaan ini sepertimana masyarakat berhak mengarahkan kaum lelaki memikul tugas-tugas berperang dan keselamatan Negara (Berita Harian, Januari 1999).

MEMPERKASA WANITA-WANITA DI MALAYSIA

Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa wanita adalah perlu untuk mencapai pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Hari ini, anak-anak gadis dan wanita masih terus menerima manfaat daripada perkhidmatan kesihatan dan pendidikan di mana wanita melepasi lelaki dari segi kemasukan dan juga pencapaian akademik di dalam pelbagai situasi. Wanita-wanita di Malaysia juga kini terlibat dengan lebih aktif di dalam politik dan lain-lain inisiatif di peringkat kebangsaan (Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat Malaysia, 2007).

Itizam serta tekad yang telah diberikan oleh Malaysia terhadap kemajuan wanita-wanita dapat dilihat dengan jelas melalui program-program serta dasar-dasar yang telah dilaksanakan dalam masa dua dekad yang lepas. Pihak kerajaan masih terus memainkan peranan yang penting di dalam menyokong untuk mencapai lebih kesaksamaan gender dalam negara ini, dengan menyediakan persekitaran yang sihat untuk memajukan wanita-wanita dalam arena kebangsaan dan juga antarabangsa (Nik Safiah Karim, 1990). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab di dalam mengetengahkan isu-isu wanita di Malaysia telah diberikan peruntukan di mana ia telah ditingkatkan daripada RM 1.8 juta (US\$ 0.5 juta) pada tahun 2001 kepada RM 30.5 juta (US\$ 8.6 juta) pada tahun 2005, dan ia membuktikan bahawa negara ini amat serius di dalam komitmennya terhadap isu-isu wanita (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2006).

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, perjuangan wanita untuk membela nasib kaum sejenis dan memainkan peranan mereka dalam pembangunan negara masing-masing menampakkan kesan yang nyata, meskipun masih belum begitu cemerlang. Justeru itu kita harus ingat bahawa tanggapan ini harus dibuat secara positif dan rational. Kita tidak harus meletak wanita sebagai golongan lemah kerana mereka juga berkemampuan dan berkredibiliti. Peranan wanita sebagai isteri, ibu dan tidak kurang juga sebagai pemimpin perlu dititikberatkan. Usaha-usaha yang konsisten kearah meningkatkan tahap penglibatan wanita di dalam pasaran buruh, perniagaan dan di dalam politik perlu diperhalusi lebih mendalam oleh kerajaan.

RUJUKAN

Ainon Muhammad, (2001, Mac 15). Modenisasi dan Implikasinya Terhadap Peranan Serta Fungsi Kaum Wanita. *Dewan Masyarakat*, pp. 6-8

Faridah Idris, (2004, September 1). Wanita dalam Arus Pembangunan: Menyusun Strategi "Pandang Ke Depan". *Dewan Masyarakat*, pp. 50-51

- Hamsiah Abdul Hamid, (1995, Mac 15). Satu Tinjauan: Perjuangan Wanita Dunia. *Dewan Masyarakat*, pp. 3-5
- Makmor Tumin, (2005, November 8). Wanita, NGO, dan Dasar Wanita Negara. *MASSA*, pp. 57-52
- Mohamad Haji Ikhsan, (2003, September 1). Dilema Wanita Bekerja. *Dewan Masyarakat*, pp. 32-33
- Mohamad Razak Idris, (2000, April 1). Keluarga Sakinah Mawaddah Warrahmah. *Tamaddun*, pp. 20.
- Natacha David, (1998). *International Women's Day: Women in the Economic*. El Publication.
- Nik Safiah Karim, (1990). *Wanita Malaysia: Harapan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: K Publishing & distribution
- Nor Samsinar Baharin, (1997, Oktober 18). Wanita Bangkit Melalui NGO. *MASSA*, pp.54-55
- Nor Shamsinar Baharin, (1998, Mei 26). Bersikap Profesional Dalam Perjuangan. *MASSA*, pp. 32-33
- Rosni Hassan, (1997, Jun 21). Suara Wanita Tenggelam di Parlimen. *MASSA*, pp. 49-50
- Sidang Editor, (1988, September 12). Imej Wanita. Tahap Lama, Harapan Baru. *Dewan Masyarakat*, pp. 10-14
- Wanita dengan Cabaran Zaman Perindustrian Matang, (1999, Mac 16). *Berita Harian*, pp. 12
- Wanita Rakan Dalam Pembangunan Negara. (1999, Januari 5). *Berita Harian*, p. 8
- Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat Malaysia, (2007).
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, (2006)
- Laporan Malaysia – Mencapai Matlamat Pembangunan Milenium, (2005)